



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PEMBERIAN INSENTIF PEMBAJAKAN DAN PENUAIAN KEPADA PESAWAH

PUTRAJAYA, 13 JUN 2025 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengambil maklum kenyataan yang telah dibangkitkan berhubung pemberian insentif pembajakan dan penuaian kepada pesawah.

Ingin ditegaskan bahawa Kerajaan MADANI sentiasa mendengar dan mengambil serius kebajikan dan kepentingan pesawah. Pelbagai langkah penambahbaikan telah dan sedang dirangka bagi memastikan segala insentif kepada pesawah disalurkan secara adil, tepat dan berkesan.

Berhubung insentif pembajakan dan penuaian padi, KPKM akan memuktamadkan mekanisme penyalurannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) pada Isnin depan.

Adalah ditegaskan, semua tindakan yang diambil adalah berasaskan libat urus bersama pihak industri, penyedia perkhidmatan dan pesawah.

Kerajaan MADANI tidak akan berkompromi dalam memastikan kelangsungan sektor padi dan kesejahteraan pesawah terus dipelihara.

Maklumat lanjut berkenaan insentif ini akan dikongsikan dalam masa terdekat.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

